

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1243-L13772
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya Kementerian bermaksud untuk mengadakan kaedah 'kawalan harga rumah' untuk mengelakkan para pemaju berleluasa mengambil keuntungan yang berlebihan dan juga sekaligus juga untuk memastikan pemilikan rumah kediaman dengan harga yang lebih wajar.
2. PN-1243-L13300
Dr. Malasingam a/l Muthukumaru minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah warga kita yang telah ditahan di luar negara bagi kesalahan pengedaran dadah atau 'keldai dadah' bagi tempoh 5 tahun ini dan berikan mengikut pecahan kaum dan negaranya.
3. PN-1243-L13318
Tuan Ng Fook Heng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pembaharuan tarikh tamat lesen memandu mengikut tarikh lahir pemegang lesen dimulakan. Berapa ramaikah telah selesai ditukarkan untuk tujuan ini. Berapa keskah yang dikesan dalam setahun bahawa pemandu lupa memperbaharui lesen memandu mereka sebelum kaedah ini dikuatkuasakan.
4. PN-1243-L13836
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi-strategi Kerajaan untuk memastikan para pesara swasta dilindungi dengan skim insurans/takaful kesihatan memandangkan kos perubatan/rawatan yang semakin meningkat dan risiko mendapat penyakit yang kronik pada usia persaraan.
5. PN-1243-L13108
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jenis-jenis faedah, subsidi, geran dan sebagainya yang diberikan kepada Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) dan bagaimanakah cara mereka untuk mendapatkannya, dan berapa jumlah wang yang diberikan oleh Kerajaan setiap tahun untuk ini.

6. PN-1243-L13241

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) membantu nasib 60 peratus daripada 25,000 bas sekolah yang bakal terjejas oleh arahan Kementerian untuk tidak mengeluarkan permit kepada bas yang berusia lebih dari 30 tahun dan ke atas.

7. PN-1243-L13680

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan ekonomi negara setakat ini serta apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan negara kita tidak terjejas akibat suasana ekonomi dunia yang semakin mencabar dan tidak stabil terutama negara-negara Eropah.

8. PN-1243-L13045

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk meminda AUKU dalam masa yang segera untuk membolehkan mahasiswa kita dapat melibatkan diri secara proaktif dalam isu dan polisi negara secara matang dan penuh bertanggungjawab dan peratusan penglibatan belia kita yang pernah terlibat di arena antarabangsa dalam diskusi dan polisi berbanding dengan jumlah belia dalam negara.

9. PN-1243-L13750

Datuk Chiw Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan kontrak, sambilan dan sementara dalam perkhidmatan awam dan nyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan jumlah kakitangan perkhidmatan awam yang sedia ada sekarang.

10. PN-1243-L13366

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan lagi Harga Atas Jalan (OTR) bagi kenderaan hybrid dan elektrik selaras dengan Dasar Hijau Negara bagi menjadikan kenderaan ini lebih berdaya saing dari segi harga dan mampu milik.

11. PN-1243-L13786

Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rizab semasa antarabangsa negara serta adakah pihak kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk menggunakan sebahagian dari rizab antarabangsa negara bagi menampung jumlah defisit belanjawan negara yang semakin meningkat dan membesar sejak 13 tahun lalu, sedangkan pada masa yang sama, rizab antarabangsa negara sering dilaporkan sebagai meningkat dari setahun ke setahun.

12. PN-1243-L13233
Puan Doris Brodie minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah persefahaman yang dicapai di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia dalam mengatasi masalah jerebu yang saban tahun berterusan tanpa sebarang jalan penyelesaian.
13. PN-1243-L13592
Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik kelulusan pinjaman mikro-kredit daripada bank-bank swasta dengan pecahannya mengikut pinjaman peribadi, pinjaman bagi pekerja awam dan pinjaman bagi peniagaan mikro. Bagi pinjaman untuk perniagaan mikro, apakah polisi kaedah faedah yang sedia ada dan syarat-syarat kelayakan.
14. PN-1243-L13183
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) statistik perbelanjaan Kerajaan untuk program MySkill mengikut aktiviti yang dikendalikan; dan
 - (b) mengapa program ini tidak dikendalikan oleh pusat atau institusi vokasional dan kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.
15. PN-1243-L13810
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mendidik orang ramai tentang isu-isu muat turun lagu dan filem-filem dari internet. Dan jika lagu-lagu yang dimuat turun oleh orang awam itu adalah dari laman web cetak rompak, adakah orang awam tersebut juga akan dianggap sebagai turut terlibat dalam jenayah melanggar Akta Hakcipta.
16. PN-1243-L13428
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rasional dan kepentingan mewajibkan semua pembantu rumah asing mengikut kursus Bahasa Melayu selama enam bulan bagi meningkatkan kemahiran komunikasi antara mereka dan majikan.
17. PN-1243-L13251
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kendalian kargo dan trafik kontena Pelabuhan Pulau Pinang bagi tempoh suku pertama tahun 2011 jika dibandingkan dengan suku pertama 2010.

18. PN-1243-L13330
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah penganjur dan rasional yang mereka telah perjelaskan dalam menganjurkan program mempromosi seks bebas ‘Seksualiti Merdeka’ yang cuba mengiktiraf hak seksual di kalangan lesbian, gay, biseksual dan transeksual.
19. PN-1243-L13551
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar India Muslim yang telah menerima bantuan biasiswa dan pinjaman dari JPA bagi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di luar dan dalam negara pada tahun 2011. Beri pecahan mengikut bidang yang diambil.
20. PN-1243-L13266
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana Kementerian dapat memastikan bayaran melampau tidak dikenakan oleh syarikat yang terlibat dalam Program Pemutihan 6P.
21. PN-1243-L13060
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian dan kejayaan hasil daripada usaha-usaha transformasi negara yang bertujuan memberi kehidupan yang lebih baik dan berkualiti kepada rakyat.
22. PN-1243-L13122
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kenapakah kedudukan Universiti Malaya yang dahulunya disenaraikan di kedudukan ke-89 di dunia sekarang berada di bawah tahap 200 universiti terbaik di dunia.
23. PN-1243-L13429
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan yang menuntut fasakh semenjak 2008 hingga 2011 di mahkamah syariah dan nyatakan punca-punca isteri menuntut fasakh serta nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi gejala menuntut fasakh ini.
24. PN-1243-L13409
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebabnya terdapat sebilangan pelajar lepasan STPM yang berkelayakan ditawarkan program di luar 8 pilihan melalui permohonan laman web Unit Pusat Universiti (UPU). Program yang ditawarkan ini adalah keputusan muktamad tanpa diberi peluang untuk mereka ini merayu. Apakah tindakan Kementerian dalam memperbaiki kelemahan UPU ini.

25. PN-1243-L13719

Tuan Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bilangan kakitangan yang bekerja secara kontrak di jabatan atau agensi Kerajaan dan apakah faedah-faedah yang dinikmati oleh mereka sewaktu dalam perkhidmatan sama dengan faedah yang dinikmati oleh kakitangan awam yang lain. Memandangkan pekerja-pekerja ini tidak menikmati faedah pesaraan selepas kontrak mereka tamat, adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kemudahan perkhidmatan perubatan secara percuma di hospital dan kinik Kerajaan sebagai penghargaan terhadap perkhidmatan mereka sepanjang tempoh bekerja secara kontrak di jabatan dan agensi Kerajaan.

26. PN-1243-L13751

Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan meningkatkan penghayatan rakyat kepada budaya etnik tempatan di kalangan rakyat Malaysia khususnya budaya baba dan nyonya dari berbagai aspek seperti pakaian, makanan, tarian dan sebagainya.

27. PN-1243-L13360

Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah terbaru Kerajaan dalam mengutip hutang pinjaman JPA daripada mereka yang masih berdegil untuk membayar balik pinjaman tersebut dan apakah senario ini akan berterusan di masa akan datang.

28. PN-1243-L13342

Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) semenjak ditubuhkan dan nyatakan jumlah pinjaman dan pinjaman mikro yang telah dikeluarkan serta sejauh manakah AIM berjaya melahirkan usahawan wanita melalui pinjaman mikro ini.

29. PN-1243-L13735

Tuan Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah pegawai berketurunan Siam akan dilantik untuk bertugas di Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) terutama di negeri yang mempunyai ramai rakyat keturunan siam seperti Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan bagi membantu menjelaskan dasar Kerajaan kepada masyarakat Siam di negara ini, memandangkan sejak Menteri berkenaan membuat pengakuan di dalam Dewan Negara pada 12 Julai 2011 yang lalu bahawa Kementerian sedar mengenai keperluan itu, sehingga kini masih belum ada seorang pun pegawai keturunan Siam yang dilantik untuk tujuan berkenaan.

30. PN-1243-L13598

Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan kes perdagangan orang dalam (insider trading) yang telah disiasat sejak Suruhanjaya Sekuriti ditubuhkan dan berapakah bilangan yang didakwa dan apakah hukumannya.

31. PN-1243-L13713

Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada peruntukan pembaik pulih tapak-tapak dan bangunan-bangunan warisan diagih kepada subjek warisan kepunyaan masyarakat minoriti dan senarainya.

32. PN-1243-L13586

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pinjaman yang dipohon dan diluluskan oleh SME Bank bagi tahun 2010 dan 2011 mengikut jenis perniagaan, skim dan pecahan kaum.

33. PN-1243-L13126

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimakah kes lima pelajar Sekolah Kebangsaan Telok Sira, Baling yang tidak dibenarkan menduduki peperiksaan UPSR pada tahun ini dan apakah langkah-langkah yang diambil agar peristiwa demikian tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.

34. PN-1243-L13820

Tuan Lee Cheam Choon minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah kenaikan kadar pencen sebanyak 2 peratus untuk para pesara tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2012 sebaliknya perlu menunggu sehingga tahun 2013.

35. PN-1243-L13399

Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) mengikut statistik Kementerian, terdapat 630,000 orang tua tanpa penjagaan rapi. Adakah mendirikan 22 buah pusat penjagaan warga tua di seluruh negara dapat menyelesaikan masalah tersebut; dan

(b) adakah Kementerian akan menjalankan program-program untuk memupuk nilai menjaga warga tua merupakan tugas wajib generasi muda dan masyarakat.

36. PN-1243-L13485

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kejadian dan status penyiasatan kes-kes rompakan kedai pertukaran mata wang asing yang berlaku sejak satu tahun yang lalu serta langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan keselamatan untuk kedai pertukaran mata wang asing.

37. PN-1243-L13698
Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan perancangan dalam pengwujudan 1MDB dalam membawa pembangunan ekonomi negara menuju sebuah negara berpendapatan tinggi serta siapakah Ahli Lembaga Pengurusan Tertinggi 1MDB.
38. PN-1243-L13463
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kementerian berhubung cadangan hukuman penjara dan sebat sebagai penyelesaian kepada pasangan yang bercerai dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi kadar penceraian yang tinggi di kalangan umat Islam.
39. PN-1243-L13857
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan Malaysia adalah sebuah negara Islam, apakah rancangan jangka panjang Kerajaan untuk mengharamkan dan menghapuskan semua bentuk perjudian di negara kita, seperti kasino, lumba kuda, 4-digit, lotto, kelab mesin slot, dan lain-lain. Sila nyatakan juga jumlah syarikat 4-Digit, toto, dan kelab-kelab mesin slot yang diberi lesen untuk beroperasi.
40. PN-1243-L13589
Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan syarat-syarat dan prosedur untuk sesuatu syarikat memohon pinjaman di bawah 'Scheme SME Revitalization Fund' yang diluluskan di bawah Bajet 2012.
41. PN-1243-L13070
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pengangguran di negara kita sejak tahun 2009 hingga sekarang, berapakah bilangan yang telah mendapat pekerjaan melalui Job Malaysia sejak tahun 2009. Berapakah jumlah angka pengangguran di kalangan lepasan SPM, Diploma dan Ijazah serta usaha-usaha terkini bagi mengurangkan jumlah pengangguran tersebut.
42. PN-1243-L13527
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh setiap Kementerian yang berlaku ketirisan perbelanjaan dan penggunaan wang seperti yang dikemukakan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010.

43. PN-1243-L13173

Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) statistik keganasan rumah tangga mengikut negeri dan kaum bagi tempoh lima tahun yang lepas dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan keganasan rumah tangga ; dan
- (b) mengapa seorang wanita tiada hak untuk membela diri sebagai isteri atau ibu dari segi undang-undang.

44. PN-1243-L13631

Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab-sebab mengapa projek nadir bumi Lynas diberi pengecualian cukai selama 12 tahun, dan mengapa pembinaan kilang tersebut dimulakan tanpa kelulusan penuh.

45. PN-1243-L13276

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki gaya hidup yang tidak sihat di kalangan masyarakat Malaysia memandangkan kajian menunjukkan hanya 15 peratus rakyat melakukan aktiviti fizikal atau senaman secara betul.

46. PN-1243-L13161

Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Program Tranformasi Kerajaan (GTP) dalam usaha mengurangkan kadar jenayah dari segi kedudukan terkini negara dalam senarai indeks dan kaji selidik antarabangsa terpilih.

47. PN-1243-L13170

Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah nisbah (ratio) katil dengan pesakit di hospital-hospital Kerajaan, dan juga nisbah doktor dengan pesakit dalam negara sekarang; dan
- (b) apakah piawaian dari segi nisbah (katil dengan pesakit & doktor dengan pesakit) yang ada di negara-negara maju bagi menentukan kualiti tahap kesihatan rakyat terus terjaga dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk kita mencapai tahap terbaik tersebut.

48. PN-1243-L13584

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar India Muslim yang telah memasuki IPTA pada tahun 2011. Berikan pecahan mengikut IPTA dan bidang pengajian.

49. PN-1243-L13661

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

- (a) Dasar Ternakan Negara ke arah mencukupkan daging dan susu lembu; dan
- (b) apakah pandangan Kementerian terhadap cadangan untuk menggalakkan “*Deep Tropical*” animal production system iaitu seperti yang telah dilaksanakan di Muadzam Shah, Pahang.

50. PN-1243-L13879

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana pihak Kerajaan akan membuat pengagihan ‘goodies’ kepada rakyat terutama kepada golongan yang tinggal di kawasan luar bandar berdasarkan kepada Bajet 2012. Kedudukan kakitangan Kerajaan sentiasa dititik berat dan mendapat perhatian Menteri Kewangan, bagaimana pula nasib golongan yang berpendapatan sederhana di dalam Bajet 2012 dan impak kepada mereka yang seolah-olah terpinggir di bawah Bajet 2012.

51. PN-1243-L13291

Dr. Malasingam a/l Muthukumaru minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah rancangan Kerajaan dalam memastikan semua kaum tidak ketinggalan dalam arus pembangunan menuju negara maju, khasnya Greater Kuala Lumpur yang melibatkan pembangunan dan kemudahan bagi kaum India seperti krematorium, tanah perkuburan, medan selera, lot-lot perniagaan dan sebagainya.

52. PN-1243-L13651

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah Arbitration (Amendment) Act 2011 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2011 apakah strategi-strategi yang akan dilaksanakan oleh Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration (KLRCA) bagi bersaing dengan pusat timbangtara di Singapura (Singapore International Arbitration Centre -SIAC), Hong Kong (Hong Kong International Arbitration Centre-HKIAC) dan Australia (Sydney International Dispute Resolution Centre - IDRC).

53. PN-1243-L13439

Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) kedudukan penggunaan kanak-kanak dalam menjalankan aktiviti meminta sedekah dengan berselindung di sebalik nama institusi atau rumah anak yatim; dan
- (b) kedudukan kes-kes rumah anak yatim yang tidak berdaftar.

54. PN-1243-L13754

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah pemantauan yang diambil terhadap pembinaan bangunan sama ada rumah kediaman individu, projek-projek kondo, bangunan pejabat dan bangunan perniagaan untuk memastikan pembinaan bangunan berkenaan mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan terutama untuk menjamin keselamatan awam dan sekaligus memelihara kehijauan dan kelestarian alam sekitar.

55. PN-1243-L13575

Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah masalah-masalah utama yang sedang dihadapi oleh Generasi (*Generation*) dan Golongan Pertengahan (*Middle Class*) di Malaysia dan bagaimanakah Kerajaan telah dan akan membantu mereka menghadapi masalah-masalah tersebut.

56. PN-1243-L13464

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membenarkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berumur 18 tahun ke atas dibenarkan menyertai kegiatan politik di dalam dan di luar kampus dan adakah pelajar-pelajar ini dibenarkan untuk menyertai mana-mana parti politik.

57. PN-1243-L13796

Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam menangani masalah cara atau gaya perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang menyebabkan pembaziran yang terlalu ketara seperti mana yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini serta sejauh manakah tahap keberkesanan strategi yang telah dirangka tersebut.

58. PN-1243-L13837

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rasionalnya untuk menghantar sebegini ramai pegawai dan pemerhati ke Sukan SEA Jakarta 2011 dan berapakah kos perbelanjaan untuk menampung kos setiap atlet dan pegawai tersebut.

59. PN-1243-L13146

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong agar semua Majlis Agama Islam di Malaysia perlu melaksanakan fasa transformasi secara holistik, komprehensif dan bersepada.

60. PN-1243-L13035
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan jurulatih sukan tempatan dari atlet-atlet sukan di Malaysia dalam tempoh 15 tahun terakhir. Nyatakan mengikut jenis-jenis sukan dan berapakah jumlah kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan untuk mendapatkan khidmat rundingan dan latihan daripada jurulatih luar negara.
61. PN-1243-L13543
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab pekerja yang telah didaftarkan di bawah program pemutihan masih tidak dapat dijadikan pekerja yang sah.
62. PN-1243-L13396
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan panduan lebih proaktif yang perlu diambil dalam persediaan untuk menghadapi banjir yang dijangka berlaku akhir tahun ini di beberapa buah negeri di Malaysia melihat kepada banjir besar di Thailand.
63. PN-1243-L13385
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab utama kegagalan Ops Sikap 24 dan perancangan dan tindakan serius Kerajaan dalam mengatasi isu ini.
64. PN-1243-L13223
Puan Doris Brodie minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai terkini rizab antarabangsa negara, rizab emas serta hutang luar negara bagi tahun 2001-2010.
65. PN-1243-L13093
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah dasar liberalisasi pendidikan tinggi menyumbang kepada pendapatan negara dan hala tuju dasar tersebut.
66. PN-1243-L13676
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Penubuhan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau Malaysia Institute of Research on Road Safety (MIROS) di bawah Kementerian dan kemudahan awam yang telah disediakan benar-benar dapat mengurangkan kemalangan jalan raya. Apakah sumbangan institut penyelidikan itu setakat ini. Rakyat tidak mendapat impak yang baik dari penubuhan institut tersebut.
67. PN-1243-L13619
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) mengambil masa yang terlalu lama bagi urusan pengendalian aduan.

68. PN-1243-L13867

Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan atau langkah-langkah pencegahan yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi jenayah berat yang semakin meningkat dalam negara seperti pembunuhan, rogol, rompakan, penculikan, ragut dan lain-lain.

69. PN-1243-L13080

Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang diwujudkan bagi mengawal dan memantau aktiviti penyebaran agama lain kepada muslim, selaras dengan Artikel 3 Perlembagaan Malaysia.

70. PN-1243-L13536

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan penyalahgunaan dan kecuaian seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara oleh beberapa Kementerian, dan tindakan terhadap pegawai-pegawai terlibat supaya penyalahgunaan seperti ini tidak berulang lagi.

71. PN-1243-L13508

Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah kerugian yang dihadapi oleh negara akibat sarang burung dilarang masuk ke Negara China dan apakah cara-cara penyelesaian.

72. PN-1243-L13200

Dato' Azian bin Osman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan berhasrat untuk menstruktur semula perjawatan awam bagi membolehkan pegawai dan kakitangan Kerajaan mudah ditempatkan di dalam agensi-agensi Kerajaan yang selama ini bersifat perkhidmatan tertutup atau "closed service" seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan lain-lain Pihak Berkuasa Tempatan.

ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 27/2011) Rang Undang-undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011
- Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.
(7 Disember, 2011)

[Jabatan Perdana Menteri]

2. (D.R. 28/2011) Rang Undang-undang Buang Negeri **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pemansuhan) 2011

[Jabatan Perdana Menteri]

3. (D.R. 29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 “

[Kementerian Kewangan]

4. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

5. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

6. (D.R. 22/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]

7. (D.R. 21/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]

8. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]

9. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
10. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
[Kementerian Pertahanan]
11. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “
[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]
12. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
13. (D.R. 42/2011) Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 “
[Jabatan Perdana Menteri]
14. (D.R. 31/2011) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Kewangan]
15. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “
[Jabatan Perdana Menteri]
16. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “
[Jabatan Perdana Menteri]
17. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasaran Pencen (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
18. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

19. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat
1Malaysia 2011 " "
[Perdana Menteri]
20. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan
(Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 " "
**[Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan]**
21. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 " "
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
22. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 " "
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
23. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2011 " "
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
24. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan)
2011 " "
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
25. (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2)
2011 " "
[Kementerian Kewangan]
26. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia
(Pindaan) 2011 " "
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]
27. PN-1243-U13086
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-
 "Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :

- a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat banga Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.
- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
 - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
 - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
 - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.
 - 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
 - 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.

- 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.
- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.

- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarasi tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

[Perdana Menteri]

28. PN-1243-U13088

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

[Menteri Luar Negeri]

29. PN-1243-U13090

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

[Perdana Menteri]

30. PN-1243-U13197

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata.

Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membentarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara komanwel yang lain."

[Perdana Menteri]

31. PN-1243-U13198

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menujuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implementasi undang-undang perhubungan perkauman."

[Perdana Menteri]

32. PN-1243-U13202

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menubah dan meningkakan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.

- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihian alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

33. PN-1243-U13614

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjelaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

[Menteri Pengajian Tinggi]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.38	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.43	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.50	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.51	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.54	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.55	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) Bagi Tahun 2009	8 Disember 2011
ST.56	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RRIM-Consult Corporation Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.57	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.58	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.59	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.60	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation (LGMPC) Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.64	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.65	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011
ST.70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2010	8 Disember 2011